

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Tunku Azizah ingatkan rakyat waspada virus berjangkit

Kuala Lumpur: Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mengingatkan orang ramai supaya lebih berwaspada terhadap penularan penyakit berjangkit dengan yang terbaru, wabak cacar monyet.

Ketika menzahirkan kebimbangannya, baginda turut menyeru orang ramai supaya lebih peka dengan situasi semasa dan pada masa sama, sentiasa mengamalkan kebersihan diri terutama kanak-kanak.

"Walaupun kita dah beralih dari fasa pandemik ke endemik, masih ada lagi penyakit lain, jadi menjadi tanggungjawab untuk kita menjaga diri sendiri," katanya dalam ucapan ringkas selepas merasmikan Klinik Sejahtera Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini, semalam.

Cacar monyet adalah disebabkan jangkitan 'orthopoxviruses' dan virus itu dijangkiti kepada manusia melalui gigitan (haiwan yang dijangkiti) atau sentuhan langsung dengan darah haiwan

atau cecair badan haiwan yang dijangkiti.

Virus cacar monyet menyerang beberapa negara, termasuk Kanada, Sepanyol, Portugal, Sweden, Perancis, Itali, Amerika Syarikat, Switzerland dan Austria.

Terdahulu, Raja Permaisuri Agong berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Syawal UIAM (Raya@UIAM) di Dewan Utama, Pusat Aktiviti UIAM yang turut dihadiri kira-kira 3,000 warga UIAM.

Baginda yang juga Ketua Perlembagaan UIAM turut berkenan berangkat melawat klinik terletak di Bangunan Kuliyah Pendidikan UIAM yang lengkap pengubahsuaian pada Mac 2022.

Klinik itu kini mempunyai enam bilik konsultasi dan rawatan yang luas untuk pesakit dan mempunyai kelengkapan Makmal Klinik, Farmasi, Radiologi, bilik rawatan dan klinik gigi.

Yang turut hadir, Presiden UIAM, Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar dan Rektor UIAM, Prof Emeritus Tan Sri Daulkifi Abdul Razak. **BERNAMA**



Tunku Hajah Azizah diiringi Mohd Daud berkenan mendengar penerangan mengenai Klinik Sejahtera UIAM daripada Ketua Pegawai Perubatan UIAM Dr Siti Masitah Jamaludin di Pusat Aktiviti UIAM Kampus Gombak, semalam. (Foto BERNAMA)

Kakitangan KKM diajak sertai kaji selidik

Kuala Lumpur: Semua kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM) diminta menyertai kaji selidik yang dibangunkan untuk menambah baik budaya kerja dengan lebih berkesan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata Kaji Selidik Penambahbaikan Budaya Kerja di KKM itu dilaksanakan.

Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF) yang ditubuhkan pada 13 Mei lalu.

"HWCITF ditubuhkan untuk siasat budaya kerja di KKM memulakan satu kaji selidik dari 27 Mei hingga 7 Jun ini.

"Saya ingin mengajak semua kakitangan yang berkaitan untuk sertai survey ini supaya hasrat @KKMPutrajaya untuk tambah baik budaya kerja dapat dilakukan dengan berkesan," katanya di laman Twitter semalam.

Kakitangan KKM boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai kaji selidik itu di talian 03-88924891 atau email hwcitf@moh.gov.my.

Sebelum ini, HWCITF menerusi pengerusinya, Prof Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, dilaporkan memberi jaminan proses laporan dan syor siasatan kes kematian pegawai pelatih perubatan serta dakwaan budaya buli akan mengambil kira segala aspek dan pandangan pelbagai pihak.

Penyakit tangan, kaki dan mulut

Pengusaha taska, tadika diminta buat saringan

Pemeriksaan di pintu masuk premis bagi mengekang penularan HFMD

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Noorazura Abdul Rahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan mengingatkan pengusaha taska, tadika, tabika serta pusat asuhan dan pembelajaran kanak-kanak supaya melakukan saringan terhadap kanak-kanak di pintu masuk premis bagi mengekang penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata premis itu adalah tempat yang mudah berlaku penularan jangkitan penyakit berjangkit dan kanak-kanak adalah kumpulan rentan kepada jangkitan kerana sistem imuniti yang belum matang terutama berusia bawah satu tahun.

Selain itu, katanya, kanak-kanak yang belum pernah dijang-

kuti penyakit berjangkit lazim seperti HFMD dan saluran pernafasan atas (URTI) serta belum lengkap vaksin di bawah Program Imunisasi Kebangsaan lebih terdedah kepada jangkitan penyakit berjangkit.

"Justeru, saringan kesihatan ke atas kanak-kanak di pintu masuk premis amat penting bagi memastikan mereka dengan gejala seperti demam, ruam dan cirit-birit tidak dibenarkan masuk untuk mengurangkan risiko jangkitan.

"Ia (saringan) bertujuan mencegah berlakunya wabak atau kluster penyakit berjangkit di premis yang boleh menyebabkan premis ditutup di bawah subseksyen 18(1)(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bagi tujuan pembersihan dan basmi kuman," katanya kepada BH semalam.

Katanya, ibu bapa juga dinasihatkan menghantar anak ke fasiliti kesihatan awam atau swasta sekiranya dijangkiti serta melakukan pengasingan di bilik khas.

"Sejak awal tahun hingga Sabtu lalu, sebanyak 65,535 kes HFMD dilaporkan di seluruh negara, peningkatan 27 kali ganda, berbanding tempoh sama tahun

Saringan kesihatan ke atas kanak-kanak di pintu masuk premis amat penting bagi memastikan mereka dengan gejala seperti demam, ruam dan cirit-birit tidak dibenarkan masuk untuk mengurangkan risiko jangkitan

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



lalu iaitu 2,333 kes.

"Jumlah itu juga peningkatan sebanyak 1.2 kali ganda berbanding tempoh sama pada 2019 ketika fasa sebelum pandemik COVID-19, iaitu 29,846 kes," katanya.

Sementara itu, di Alor Setar, Kedah mencatatkan 1,178 kes baharu HFMD sepanjang minggu lalu menyebabkan empat pusat pendidikan awal kanak-kanak ditutup.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata jumlah itu dicatat sepanjang tempoh Minggu

Epidemiologi ke-21 iaitu bagi tempoh antara 22 hingga 28 Mei.

"Jumlah kes HFMD pada Minggu Epidemiologi ke-21 meningkat 388, berbanding 790 pada minggu sebelumnya, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di Kedah kini sebanyak 3,403 kes.

"Lima kluster baharu dilaporkan membabitkan satu tadika, satu taska dan tiga prasekolah. Sebanyak empat premis berkaitan turut diarah tutup mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988," katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Tolak saman mangsa, waris terkena kesan sampingan vaksin

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menolak saman pertama difailkan 10 mangsa dan waris penuntut yang terkesan daripada pengambilan vaksin Covid-19 bagi mendaftarkan award semakan kehakiman yang diberikan kepada mereka oleh Mahkamah Timbang Tara.

Award semakan kehakiman itu berkaitan tindakan undang-undang yang akan diambil pemohon terbabit di mahkamah sivil bagi mencabar keputusan kerajaan menggubal dasar Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

Mereka mendakwa, pelaksanaan Pick itu menyebabkan kematian pemohon (yang memohon melalui waris si mati), kesan advers susulan imunisasi (AEFI) dan diskriminasi terhadap mereka yang menolak suntikan.

Dalam keputusannya hari ini, Hakim Datuk Amarjeet Singh berkata, Mahkamah Timbang Tara tiada bidang kuasa untuk mendaftarkan award semakan kehakiman.

Bagaimanapun, hakim mencadangkan kepada pemohon supaya mengemukakan permohonan semakan kehakiman secara terus ke Mahkamah Tinggi dengan mengikut prosedur yang betul.

"Semakan kehakiman oleh Mahkamah Tinggi tidak kisah secara *ex-parte* (sebelah pihak) atau *inter-parte* (kedua-dua pihak). Mengikut apa yang kamu (pasukan pembelaan) ber-

itahu saya, ada individu yang menerima kesan (akibat pengambilan vaksin).

"Oleh itu, kamu boleh failkan saman sivil bagi menuntut kerugian berkaitan vaksin. Tetapi sekarang kamu mahu saya daftarkan award bagi membolehkan pendengaran dibuat di Mahkamah Tinggi.

"Saya tidak boleh daftarkan award itu. Pengantara tiada kuasa berkaitan award ini. Awak tidak kehilangan apa-apa lagi dan boleh failkan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi," katanya.

Dalam prosiding semalam, penuntut dan waris mereka diwakili peguam, Mohd Zainuddin Abu Bakar manakala Peguam Kanan Persekutuan, Zureen Elina Mohd Dom hadir sebagai *amicus curiae* (sahabat mahkamah).

Pada 25 April lalu, sekumpulan individu mewakili beberapa badan bukan kerajaan (NGO) berhimpun di hadapan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, bagi mendaftarkan merit dan semakan kehakiman menuntut hak rakyat yang terkesan akibat vaksin.

NGO itu termasuk Persatuan Prihatin Anak Jati Johor (PPAJJ), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Pertubuhan Kebajikan Hal Ehwal Islam Malaysia.

Antara isu dibangkitkan ialah AEFI, diskriminasi terhadap golongan tidak vaksin dan keraguan terhadap kandungan serta kesan sampingan vaksin.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

Jumlah kanak-kanak lengkap divaksin kini cecah 1,166,385

Kuala Lumpur: Seramai 1,166,385 atau 32.9 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap divaksin di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak Covid-19 Kebangsaan (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman sesawang COVIDNOW, sejumlah 1,714,171 atau 48.3 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,913,093 atau 93.6 peratus lengkap divaksin, manakala 3,009,604 atau 96.7 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, 16,094,258 atau 68.4 peratus orang de-

was di negara ini menerima suntikan dos penggalak, 22,974,281 atau 97.6 peratus lengkap dua dos suntikan vaksin dan 23,250,993 atau 98.8 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.


Sebanyak 10,883 dos harian diberikan kelmarin meliputi 5,172 dos pertama, 4,709 dos kedua dan 1,002 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) adalah 70,908,659.

Sementara itu, Portal Github Kementerian Kesihatan melaporkan lima kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan dua di Sarawak dan masing-masing satu di Perak, Perlis dan Selangor.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL



MENTEGA kacang jenama Jif diimport dari Amerika Syarikat.

Tarik balik mentega kacang tercemar Salmonella

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengarahkan syarikat pengimport produk mentega kacang jenama Jif menarik balik produk berkenaan dari pasaran kerana dikhuatiri tercemar bakteria Salmonella.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, tindakan itu diambil selepas pihaknya mengambil maklum berkaitan penarikan balik produk mentega jenama berkenaan dari pasaran Amerika Syarikat. "Pihak Berkuasa Dadah dan Makanan, Amerika Syarikat (FDA) mengarahkan produk mentega kacang

berjenama Jif dengan nombor kumpulan antara 1274425 hingga 2140425 iaitu membabitkan tiga digit terakhir 425, ditarik balik kerana tercemar dengan bakteria Salmonella.

"Melalui semakan KKM ke atas data Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM), ia mengesahkan produk mentega kacang berjenama Jif berkenaan ada diimport ke negara ini.

"KKM meminta pihak syarikat yang mengimport menarik balik produk berkenaan di pasaran. Selain itu, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan memantau di semua pintu masuk negara bagi memastikan tiada produk terbabit memasuki ke negara ini," katanya.


Beliau berkata, peniaga

yang menjual produk berkenaan juga dengan nombor kumpulan sama diminta menghentikan penjualan serta-merta.

"Bagi pengguna yang membeli produk itu dengan nombor kumpulan dinyatakan diminta tidak memakan produk berkenaan," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Salmonella adalah sejenis bakteria yang boleh menyebabkan keracunan makanan sekiranya terdapat dalam makanan seperti daging, ayam, telur, buah, sayur dan makanan diproses jika aspek kebersihan diabaikan atau makanan tidak diproses dengan sempurna.

"KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna.



CARA merujuk nombor kumpulan pada botol mentega kacang.

"Sebarang maklumat atau kemusykilan berhubung isu ini, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat, menyalurkan melalui laman

<http://moh.spab.gov.my> atau laman Facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkmmhq," katanya.

Pesakit Covid-19 masuk hospital turun 10 peratus

Putrajaya: Kes penularan Covid-19 di negara ini menunjukkan perkembangan positif apabila jumlah kes pesakit ke fasiliti kesihatan termasuk hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) mencatatkan penurunan 10 peratus pada Minggu Epidemiologi (ME) 21/2022 iaitu antara 22 hingga 28 Mei lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi kes positif Covid-19 yang dipantau di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), ia turut menunjukkan penurunan.

"Secara keseluruhan, bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun 5.1 peratus, bilangan kes Covid-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun 6.5 peratus dan bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital menunjukkan penurunan ketara iaitu, 46.6 peratus.

"Untuk trend kes aktif harian Covid-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), pada akhir ME 21/2022, ia turun 8.8 peratus berbanding pada akhir ME 20/2022 iaitu dari 24,647 kes kepada 22,475 kes," katanya semalam.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham berkata, penggunaan katil di Unit Rawatan Tapis (ICU) menunjukkan peningkatan 17 peratus berbanding minggu sebelumnya.



DR Noor Hisham

Tambah Dr Noor Hisham, untuk perbandingan kes antara ME 21/2022 dengan minggu sebelumnya, beliau berkata, bilangan kes semasa pada ME 21/2022 meningkat 4.2 peratus iaitu 15,278 kes kepada 15,925 kes berbanding minggu sebelumnya.

"Bilangan kes baharu pada ME 21/2022 menurun 4.1 peratus (13,630 kes kepada 13,076 kes) berbanding ME 20/2022; bilangan kes tempatan menurun sebanyak 4.4 peratus (13,615 kes kepada 13,022 kes) dan bilangan kes import meningkat 260 peratus (15 kes kepada 54 kes).

"Selain itu, bilangan kes kematian pada ME 21/2022 menunjukkan penurunan kepada 34.5 peratus (29 kes kepada 19 kes) dan purata kes aktif setiap hari bagi ME 21/2022 adalah 25,360, iaitu terdapat penurunan 15.1 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kes positif Covid-19 makin turun, 34 pesakit dirawat di ICU

PUTRAJAYA - Malaysia terus merekodkan penurunan kes positif Covid-19 dengan mencatatkan sebanyak 1,152 kes berbanding kelmarin, 1,644 kes dan diatasi 1,975 kes sembuh kelmarin.

Berdasarkan data di laman web COVIDNOW semalam, Selangor mencatatkan kes positif

harian tertinggi iaitu 520 kes diikuti Kuala Lumpur (185), Pulau Pinang (90) dan Perak (81).

Diikuti Johor (47), Negeri Sembilan (42), Sabah (39), Kedah (34), Melaka (34), Putrajaya (29), Sarawak (27), Pahang (13), Kelantan (5), Terengganu (4), Perlis (4) dan Labuan, satu kes.

Pesakit Covid-19 yang masih

diwad meningkat kepada 425 orang berbanding Sabtu lalu, seramai 406 orang.

Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam kekal merekodkan 34 orang bersamaan jumlah kelmarin, 34 orang.

Bagaimanapun, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan


alat bantuan pernafasan merekodkan 17 kes berbanding jumlah Sabtu lalu adalah 18 kes.

Bagi kluster Covid-19 pula, tiada kluster baharu direkodkan, manakala sebanyak dua kluster yang masih aktif berbanding Sabtu lalu, tiga kluster sekali gus menjadikan 7,012 keseluruhan kluster.

Dalam perkembangan berkaitan kematian Covid-19, lima kes dilaporkan dan jumlah kematian terkini pula sebanyak 35,665 kes.

Selain itu, satu kes kematian berlaku di luar hospital (BID) turut menjadikan jumlah terkumpul kes Covid-19 berkaitan seumpama itu adalah 7,554 kes.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA



CONTOH produk Jif yang dicemari bakteria Salmonella.

Mentega kacang Jif dicemari bakteria Salmonella

PUTRAJAYA – Syarikat pengimport produk mentega kacang jenama Jif, diarahkan menarik balik produk itu susulan dikhua-tiri tercemar dengan bakteria Salmonella.

Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan (KKM), Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, arahan itu dibuat selepas KKM mengambil maklum berkaitan penarikan balik produk mentega jenama berkenaan dari pasaran Amerika Syarikat.

Katanya, pemakluman mengenai bakteria itu diterima melalui notifikasi yang diterima dari International Food Safety Authorities Networks (INFOSAN).

"Pihak Berkuasa Dadah dan Makanan (FDA), Amerika Syarikat mengarahkan produk men-

tega kacang berjenama Jif dengan nombor kumpulan antara 1274425 hingga 2140425 iaitu hanya membabitkan tiga digit terakhir 425, ditarik balik kerana tercemar dengan bakteria Salmonella.

"Produk mentega kacang tersebut telah diedarkan ke beberapa negara seperti Kanada, Thailand, Honduras, Sepanyol, Jepun, Korea, Taiwan, Singapura dan Malaysia," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, melalui semakan KKM ke atas data Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM), ia mengesahkan produk mentega kacang berjenama Jif ada diimport ke negara ini.

Katanya, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan diarah-

memantau di semua pintu masuk negara bagi memastikan tiada produk terlibat memasuki ke negara ini.

"Penjual hendaklah menghentikan penjualan produk terlibat dengan nombor batch di antara 1274425 hingga 2140425 dengan tiga digit terakhir 425 dengan serta-merta, manakala pengguna yang telah membeli produk tersebut dengan nombor batch terlibat diminta untuk tidak memakan produk tersebut.

"Salmonella merupakan sejenis bakteria yang boleh menyebabkan keracunan makanan seperti daging, ayam, telur, buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan yang telah diproses," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA



MOHD. HAYATI

Kes HFMD meningkat di Kedah

ALOR SETAR - Sebanyak 1,178 kes baharu penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di negeri ini dicatatkan pada Minggu Epidemiologi ke-21.

Pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan penyakit itu meningkat kepada 3,403 kes atau 339 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2019.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman berkata, kes terbaharu itu merupakan peningkatan sebanyak 388 kes atau 49 peratus berbanding dengan minggu sebelumnya bermula 22 hingga 28 Mei lalu.

"Lima wabak baharu turut dilaporkan melibatkan tiga prase-

kolah, sebuah taska dan sebuah tadika dengan empat daripadanya diarah tutup," katanya.

Bagaimanapun menurut Mohd. Hayati, semua kes yang dilaporkan menunjukkan gejala ringan serta diberikan rawatan pesakit luar.

Tambahnya, daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan kes tertinggi

iaitu 785 kes atau (23.1 peratus) diikuti oleh Kubang Pasu 494 (14.5 peratus), Kulim 451 (13.3 peratus) dan Kota Setar 380 (11.2 peratus).

Penyakit HFMD disebabkan oleh jangkitan pelbagai jenis virus, terutama virus Coxsackie A16 dan Enterovirus 71 yang merebak melalui kontak dengan air liur, cecair lepuh dan najis pesakit.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Penghormatan besar untuk Malaysia

Khairy Jamaluddin
dilantik Naib
Pengerusi Lembaga
Eksekutif WHO

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN
MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Mesyuarat Lembaga Eksekutif ke-151 Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebulat suara bersetuju dengan pelantikan Menteri Kesihatan Malaysia, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebagai Naib Pengerusi Lembaga Eksekutif bagi mewakili Rantau Pasifik Barat.

Perkara itu disahkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi hantaran di laman



KHAIRY JAMALUDDIN

Facebooknya pada Isnin.

Menurutnya, pelantikan Khairy bermula 2022 sehingga 2023 dan Malaysia pada ketika ini merupakan ahli Lembaga Eksekutif WHO dari tahun 2021 sehingga 2024.

"Alhamdulillah dan tahniah kepada Khairy," katanya.

Menurutnya, pelantikan tersebut merupakan suatu penghormatan besar kepada Malaysia.

"Di saat sedang bergelut dengan krisis, ada peluang besar untuk rakyat Malaysia di peringkat tempatan serta antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sentiasa berada di barisan hadapan untuk memajukan kesihatan awam global.

"Sebagai tambahan, Malaysia akan menyumbang ke arah kejayaan usaha WHO dalam memimpin komuniti antarabangsa yang merangkumi



Mesyuarat Lembaga Eksekutif ke-151 WHO sebulat suara bersetuju dengan pelantikan Khairy Jamaluddin sebagai Naib Pengerusi Lembaga Eksekutif bagi mewakili Rantau Pasifik Barat.

tindak balas Covid-19, inovasi kesihatan digital, penuaan sihat dan aktif, kesihatan mental, bukannya penyakit berjangkit (NCD) dan perubahan iklim," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Malaysia berhasrat memperjuangkan keutamaan dan isu bersama penting yang dihadapi

oleh komuniti serantau dan global.

"Sebagai perpaduan, kami akan menangani isu semasa seperti Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR), ketidak-samaan vaksin, sistem kesihatan dan semua kesediaan dan tindak balas Kesihatan Awam Global

yang berkaitan untuk memenangi pertempuran kesihatan awam bersama-sama," katanya.

Sebelum ini, Khairy turut dilantik sebagai salah seorang Naib Presiden Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) ke-75 yang berlangsung di Geneva, Switzerland pada Ahad.

Malaysia catat 1,155 kes baharu Covid-19, lima kematian

SHAH ALAM – Malaysia merekodkan sebanyak 1,155 kes baharu Covid-19 pada Ahad menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan wabak tersebut kepada 4,503,734 kes setakat kelmarin dengan jumlah kes aktif adalah

sebanyak 24,393.

Portal CovidNow menunjukkan daripada keseluruhan kes pesakit Covid-19 yang masih aktif, sebanyak 23,403 kes atau 95.9 peratus daripadanya merupakan individu dikuarantin di

rumah manakala 17 pesakit berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Data itu turut menunjukkan seramai 939 pesakit Covid-19 ditempatkan di hospital dengan seramai 34 pesakit dimasukkan

ke unit rawatan rapi (ICU).

Kes sembuh baharu Covid-19 yang direkodkan pada Ahad ialah 1,975 kes menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh wabak tersebut dalam negara kepada 4,443,676.

Pada masa sama, Malaysia turut merekodkan lima kematian baharu akibat wabak tersebut pada Ahad.

Daripada jumlah itu, satu kes adalah kematian di luar hospital atau brought-in-dead (BID).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

Waspada penularan penyakit berjangkit, titah Tunku Azizah

KUALA LUMPUR - Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah mengingatkan orang ramai supaya lebih berwaspada terhadap penularan penyakit berjangkit dengan yang terbaharu, wabak cacar monyet.

Ketika menzahirkan kebimbangannya, baginda turut menyeru orang ramai supaya lebih peka dengan situasi semasa dan pada masa sama sentiasa mengamalkan kebersihan diri terutamanya kanak-kanak.

"Walaupun kita dah beralih dari fasa pandemik ke endemik, namun masih ada lagi penyakit lain, jadi menjadi tanggungjawab untuk kita menjaga diri sendiri,"

katanya dalam ucapan ringkas selepas merasmikan Klinik Sejahtera Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini pada Isnin.

Cacar monyet adalah disebabkan oleh jangkitan *orthopoxviruses* dan virus itu dijangkiti kepada manusia melalui gigitan (haiwan yang dijangkiti) atau sentuhan langsung dengan darah haiwan atau cecair badan haiwan yang dijangkiti.

Virus cacar monyet telah menyerang beberapa negara termasuk Kanada, Sepanyol, Portugal, Sweden, Perancis, Itali, Amerika Syarikat, Switzerland dan Austria.

Terdahulu, Raja Permaisuri berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Syawal UIAM (Raya @IUM) yang ber-



Tunku Azizah berkenan mendengar penerangan mengenai Klinik Sejahtera UIAM daripada Ketua Pegawai Perubatan UIAM, Dr Siti Masitah Jamaludin ketika melawat klinik berkenaan di Pusat Aktiviti UIAM Kampus Gombak pada Isnin.

langsung di Dewan Utama, Pusat Aktiviti UIAM yang turut dihadiri kira-kira 3,000 warganya.

Baginda yang juga Ketua Perlembagaan UIAM, turut berkenan berangkat melawat klinik terletak di Bangunan Kuliyah

Pendidikan UIAM itu yang telah lengkap pengubahsuaian pada Mac 2022.

Klinik itu kini mempunyai sebanyak enam bilik konsultasi dan rawatan yang luas untuk merawat pesakit dan mempunyai kelengkapan Makmal

Klinik, Farmasi, Radiologi, bilik rawatan dan klinik gigi.

Hadir sama ialah Presiden UIAM, Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar dan Rektor UIAM, Profesor Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak. - Bernama

Tarik balik mentega kacang tercemar

KKM ambil maklum penarikan balik produk Jif dari pasaran AS yang dikhuatiri dicemari bakteria Salmonella

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meminta syarikat yang mengimport produk mentega kacang berjenama 'Jif', untuk menarik balik produk itu daripada pasaran.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia berdasarkan semakan yang dilakukan KKM ke atas data Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM), yang mendapati produk berkenaan telah diimport ke negara ini.

Beliau berkata, KKM mengambil maklum berhubung isu penarikan balik produk itu dari pasaran Amerika Syarikat, kerana

dikhuatiri tercemar dengan bakteria Salmonella melalui notifikasi yang diterima dari International Food Safety Authorities Networks (INFOSAN).

"Notifikasi tersebut menyatakan Pihak Berkuasa Dadah dan Makanan, Amerika Syarikat (USFDA) telah mengarahkan produk mentega kacang berjenama Jif, dengan nombor kumpulan di antara 1274425 hingga 2140425 iaitu hanya melibatkan tiga digit terakhir 425 ditarik balik, kerana telah tercemar dengan bakteria Salmonella.

"Produk mentega kacang tersebut telah diedarkan ke beberapa negara seperti Kanada, Thailand, Honduras, Sepanyol, Jepun, Korea, Taiwan, Singapura dan termasuk Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Selain itu menurutnya, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan terus memantau di semua pintu masuk negara, bagi memastikan tiada produk terlibat memasuki negara.

"Penjual hendaklah menghentikan penjualan produk terlibat



DR NOOR HISHAM



Kenyataan KKM mengenai penarikan semula produk Jif di pasaran.

dengan serta-merta, manakala pengguna yang telah membeli produk tersebut dengan nombor batch terlibat diminta untuk tidak memakan produk tersebut," katanya.

Sebarang maklumat atau kemusykilan, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau menyalurkan melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkm.hq. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kes HFMD di Kedah meningkat 49 peratus

ALOR SETAR: Sebanyak 1,178 kes baharu penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di negeri ini dicatatkan pada Minggu Epidemiologi ke-21 bermula 22 hingga 28 Mei lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr. Mohd. Hayati Othman berkata, kes terbaharu itu adalah peningkatan sebanyak 388 kes atau 49 peratus berbanding dengan minggu sebelumnya.

"Lima wabak baharu turut dilaporkan melibatkan tiga prasekolah, sebuah taska dan sebuah tadika. Empat dari premis berkenaan diarah tutup di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 sementara satu lagi premis tidak ditutup setelah didapati berisiko rendah daripada penyebaran jangkitan," katanya di sini, hari ini.

Bagaimanapun, menurut beliau, semua kes yang dilaporkan menunjukkan gejala ringan serta diberikan rawatan pesakit luar dan tiada kes yang mengalami komplikasi teruk atau memerlukan rawatan intensif.

Kata Mohd Hayati, dengan pertambahan tersebut, jumlah kes HFMD di Kedah hingga 28 Mei lalu adalah sebanyak 3,403 kes.

"Berbanding dengan sebelum pandemik, pada tempoh yang sama tahun 2019, Kedah mencatatkan peningkatan sebanyak 2,528 kes atau 339 peratus," katanya.

Katanya, daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 785 kes atau 23.1 peratus) diikuti oleh Kubang Pasu 494 (14.5 peratus), Kulim 451 (13.3 peratus) dan Kota Setar 380 (11.2 peratus).

"Sepanjang tahun ini juga, sebanyak 45 wabak HFMD dilaporkan di Kedah, dengan 44 daripadanya atau 97.8 peratus berlaku di pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

SALMONELLA CONCERN

Ministry orders Jif peanut butter recall

KUALA LUMPUR: The Jif brand of peanut butter has been recalled from retail outlets over fears of salmonella contamination.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this came after an announcement to recall the peanut butter spread in the United States.

"The United States Food and Drug Administration has ordered for Jif brand peanut butter products with batch numbers between 1274425 to 2140425, involving batches with the last three digits of 425, to be immediately recalled due to potential salmonella bacteria contamination.

"The Information System of Malaysia has confirmed that Jif peanut butter products have been imported into the country.

"The ministry has instructed importing companies to recall

the products from the market.

"Additionally, the ministry, through the Food Safety and Quality Division, is monitoring all entrances to the country to ensure that no such products enter the country."

He urged businesses selling Jif peanut butter products with the batch numbers listed to stop selling the items immediately.

"Those who have bought peanut butter products with the specified batch numbers are advised to not consume the products."

He said salmonella was a type of bacteria that could cause food poisoning if someone consumes meat, poultry, eggs, fruit, vegetables and processed food that were contaminated.

Food can become contaminated with salmonella during processing due to poor hygiene.



Tan Sri Dr Noor
Hisham Abdullah

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -

Last shot for PICKids

The PICKids programme comes to an end today with 1.16 million children fully vaccinated since Feb 3. As the clock ticks down to the deadline, many parents are acting fast to take advantage of the free doses of Covid-19 vaccine to get their children immunised and safe.

> See report on page 6

by RAGANANTHINI VETHASALAM



It's a wrap: Fatimawati Meda, 39, from Klang waiting for her eight-year-old daughter's MySejahtera certificate after receiving her vaccination.
- KK SHAM/The Star

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

Go get them the jabs, guardians of children told

GEORGE TOWN: Parents of children aged between five and 11 who did not manage to register them for the first dose of Covid-19 vaccination via MySejahtera have been encouraged to at least do so at private clinics.

This is because they need to be vaccinated to prevent severe cases of Covid-19.

Penang health committee chairman Dr Norlela Ariffin said chil-

dren who have been vaccinated are reported to experience milder symptoms if they do contract Covid-19.

"Children are reported to experience more serious symptoms than adults when they contract the virus.

"They might experience symptoms like seizures and multiple organ failures.

"Parents who miss the deadline should get their children vaccinated

as soon as possible even if it means forking out some money.

"There are several vaccination centres and health clinics in Penang that are still open," she said.

A check on the CovidNow website showed that only 48.3% of children aged five to 11 have received their first dose, while 32.9% have received their second dose.

In Penang, 52.5% of eligible children have received their first dose,

while 41.9% have received their second.

Earlier, ProtectHealth Corporation Sdn Bhd chief executive officer Datuk Dr Anas Alam Faizli said parents whose children turn five after May 31 have until Jan 15, 2023, to book the first dose for free.

He said all the first-dose appointments for the five to 11 group after May 31 will not be valid. Instead, they can walk in to the nearest Health

Ministry clinics to be attended to on a "first come, first served" basis.

"For those in this age group who have contracted Covid-19, they may receive their first dose six months after recovery or by Aug 30," he added.

The National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) was initially slated to end on May 15 but was extended to today.

Last chance to get free vaccines

No more complimentary first doses for children after today, says ministry

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: A business executive, who wants to be known only as Annie, has taken leave from work today. The 37-year-old wants to ensure that her six-year-old daughter gets her first dose of the Covid-19 vaccine before the deadline.

The government's National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) draws to an end today.

There will be no more free doses of the Covid-19 vaccine for children aged between five and 11.

Annie was one of those parents who adopted a wait-and-see attitude towards vaccination for children, and after much thought, she decided it was important.

"Some of my friends' children had the jabs and they are all doing okay. Now that things are opening up, I think it's best to take precautions. I will walk into a Klinik Kesihatan to get her vaccinated," she says.

There are many like Annie who have been hesitant, but with just hours to go to the deadline, parents are also being urged to "grab" the opportunity to ensure their unvaccinated children get their first dose.

Deputy Health Minister I Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the first dose of the Covid-19 vaccine will no longer be administered for free after today.

However, there will be an exception for two groups - those who have yet to turn five between May



Don't be afraid: Cindy David, 34, comforting her daughter Cindy Cyenerie Nereus, eight, who is receiving her vaccine dose at a clinic in Kota Damansara, Petaling Jaya. — FAIHAN GHANI/The Star

31 and Dec 31 and children who were infected or have parents who contracted Covid-19 recently.

Those who had postponed their vaccination because of an infection can register via MySejahtera for an appointment or head to the nearest Klinik Kesihatan for their free dose.

"(The) last date for both groups to get (their) first dose is Jan 31, 2023," he said.

Others who have not been vaccinated with their first dose will have to do it for a fee at private healthcare facilities.

"The facilities can decide on the cost. At the moment, they can only give Coronavac (Sinovac) vaccine," said Dr Noor Azmi, who is also chairman of the Covid-19 Immunisation Task Force for Children (CITF-C).

He said the price of the vaccine should be in line with the ceiling price, but the clinics could charge for services, consultation, consumables and other items.

The ceiling price for the Sinovac vaccine was capped at RM77 at retail level and RM62 at wholesale level.

However, checks with private healthcare groups showed that there has yet to be a decision on the

pricing of vaccination.

Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah advised parents looking to get their children vaccinated "to wait for further information".

Meanwhile, one parent who declined to be named said it is a relief that children who were infected with Covid-19 still had the option to receive the jab at government health clinics.

"I am happy that I can still take my child to Klinik Kesihatan for the shot. The doctor advised to take the jab a few weeks after recovery. We didn't postpone the vaccination on purpose. It happened because of Covid-19," he said, while noting that it would have otherwise been a burden to pay for the jab at private healthcare facilities.

Another parent who wants to be known only as Noor said she opted to take a wait-and-see approach as she was not too convinced about vaccinating her children.

"I don't know whether the kids would be able to take it but I think if I do decide on getting them vaccinated I will have to pay for it then," she added.

A total of 1.16 million children or 32.9% have been fully vaccinated since the PICKids programme began on Feb 3 while another 1.71 million or 48.3% have received at least one dose.

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

WORLD No Tobacco Day is observed globally on May 31 annually. This year's theme – Tobacco is Killing Us and Our Planet – was chosen to raise awareness among governments and the public regarding the environmental impact of a product that kills 50% of its users when it is used exactly as intended by its manufacturers.

A visit to the World Health Organisation's website will highlight some startling facts – approximately 600 million trees are chopped down every year, as each tree is needed to produce enough paper for 15 packs of cigarettes.

Besides that, the industry emits 84 million tonnes of carbon dioxide and uses 22 billion litres of water, which is approximately 900 times the volume of Tasik Kenyir.

The impact of smoking on the environment should not come as a surprise to most of us.

Secondhand smoke contains more than 4,000 chemicals and leads to the deaths of more than one million non-smokers annually.

Tobacco smoke also contributes to overall higher air pollution levels and has three kinds of greenhouse gases.

More insidiously, one only has to walk along a street or a beach to find cigarette butts littered all over the ground.

There are many campaigns to reduce the use of plastic, but do you know that cigarette butts are the most abundant form of plastic waste in the world, with about 4.5 trillion individual butts polluting our environment?

Cigarette butts may appear innocuous, but are far from it. Approximately 18 billion cigarettes are bought each day – the

Nipping it in the butt

Tobacco not only kills people but also our planet. Tougher policies are needed to curb smoking to secure a brighter future for our children.

majority of cigarette butts end up in the environment and end up leaking nicotine, heavy metals and other chemicals such as arsenic and lead into the surroundings.

These cigarette butts clog our drains and end up being mistaken for food by animals such as birds and fish.

A 2011 study published in the journal *Tobacco Control* demonstrated that one cigarette butt in a litre of water kills half the fish within. The butts also take up to 10 years to degrade – when they eventually do so, they end up in our environment as microplastics which eventually end up in the bloodstream and bodies of animals and humans.

The increasing prevalence of electronic cigarettes, especially the disposable variety, is also adding to the pressure on our environment.

The same can be said for heat-not-burn devices, where the combination of electronic and chemical components add to toxic waste.

The undeniably negative impact of tobacco on our environment makes it all the more important that we do more to protect the resources that we have left and do the necessary to preserve our children's future.

Besides helping current smokers quit (see more at jomquit.com), we must also do more to protect our children and youth from becoming



Say no to smoking: Tobacco kills more than eight million people every year, and it also appears to be killing our planet.

nicotine addicts.

The Tobacco and Smoking Control Act that the Health Ministry intends to table in Parliament in July 2022 is one such effort, where we intend to address and update Malaysia's tobacco control efforts in a holistic manner.

This would not only involve

improving healthcare literacy and providing the necessary education, but also restricting access to cigarettes, such as instituting a generational endgame in which youth born after a specific year are not allowed to purchase cigarettes.

We will also be introducing policies to protect people from smok-

ing and enforce new regulations for the electronic cigarette/vaping industry.

Beyond the upcoming legislation, there are other environmental policy proposals that have been advocated and merit further consideration.

These include imposing the Extended Producer Responsibility principle on the tobacco industry to hold them accountable for environmental costs, and imposing an environmental tax levy on tobacco manufacturers for carbon emissions and air pollution, as well as promoting divestment from the tobacco industry on the basis that environmental, social and governance commitments are not being met.

Tobacco kills more than eight million people every year, and it also appears to be killing our planet, slowly but surely.

Governments across the globe, including ours, are increasingly aware of the need to implement better policies, but it is only by working together will we be able to make tough but necessary decisions to secure a brighter future for our children.

Comment by Khairy Jamaluddin, who is the Health Minister and Dr Helmy Haja Mydin, the technical advisor to the Health Ministry on tobacco control.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Minimal risk

BY SHIVANI SUPRAMANI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: There is no immediate need for mass vaccination against monkeypox, despite its spread in several European and African countries, said health experts.

Virologist Assoc Prof Dr Chee Hui Yee told *theSun* that monkeypox, which is a zoonotic disease, is also less transmissible compared with the well-known chickenpox and deadly smallpox.

"I believe there is no immediate need for mass vaccinations to be carried out unless the individual is from a high-risk category. For example, he may have travelled to highly endemic countries or have been in close contact with someone who contracted the virus."

Chee said she sees no reason for the government to close international borders as monkeypox is only spread through

» No immediate need for mass monkeypox vaccination or border closure, say health experts

close contact and even then, not as rapidly as Covid-19.

She was commenting on Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali's comment that the government would not close the country's borders despite cases of monkeypox being detected in several countries.

Similarly, Malaysian Medical Association president Dr Koh Kar Chai said it would not be wise to close borders for now as there is a need to base our decisions on the scientific data that is being collected through worldwide surveillance of the disease.

"We have all experienced

firsthand the disastrous effects of prematurely closing our borders. The country needs to maintain its preparedness for any pandemic, and one must continue to maintain a high standard of personal hygiene to ward off monkeypox and any other infectious diseases."

Koh said the smallpox vaccine has been found to be effective against monkeypox, and it should be noted that there is no readily available commercial supply of the vaccine as smallpox was declared an eradicated disease by the World Health Assembly in 1980.

Turn to
page 3

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

'Monkeypox unlikely to cause large outbreaks'

"There is a vaccine that has been approved by the US Food and Drug Administration in 2019 for use against monkeypox. Our Health Ministry has said it is looking into the procurement of this vaccine for targeted usage and not mass vaccination.

"This is a relatively new vaccine. It is not available for use in large quantities, and this places limitations on its usage in mass vaccination programmes.

"A decision on mass vaccination for any disease will have to take into account its

potential harm and also the risk or benefit ratio of the vaccine concerned, not to mention the high cost involved leading to a decision that is also based on a cost and benefit ratio. Although every life is priceless, these are indices that will affect decisions moving forward," he said.

Universiti Malaya professor of epidemiology and public health Dr Sanjay Rampal referred to monkeypox as a self-limiting disease that typically resolves on its own.

"It is unlikely to cause large outbreaks

because the virus does not spread easily from person to person.

Additionally, it is interesting to note that many older Malaysians have received smallpox vaccination many decades ago.

"A mass vaccination campaign is not indicated because the risk of human-to-human transmission and the risk of severe disease is low.

"Also, the smallpox vaccination is unlikely to stop transmission of monkeypox," he said, adding that the Health Ministry has prepared sufficiently for this virus.

From
front
page

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

4.1% drop in new Covid-19 cases last week

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 infections in the country for the 21st epidemiology week, which began from May 22 to 28, saw a fall of 4.1% to 13,076 cases compared with 13,630 cases the week before.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this brought the cumulative cases to 4,502,579.

"The average rate of Covid-19 infectivity (R_t) also showed a drop of 1.1% to 0.93 compared with 0.94 the week earlier," he said in a statement yesterday.

He added that the number of recoveries in week 21 also showed a rise of 4.2% (15,278 cases to 15,925 cases) compared with week 20, bringing the cumulative recovery cases to 4,441,702.

Noor Hisham said the number of deaths also dropped to 19 cases or 34.5% compared with 29 the week before, bringing the cumulative deaths to 35,660.

Meanwhile, the admission of patients into hospitals and low risk Covid-19 quarantine and treatment centres for each 100,000 residents also dropped by 10% compared with the earlier week.

"There was no change to patient admission into public hospitals for each 100,000 people. The total cases requiring respiratory assistance dropped by 6.1%.

"Overall, bed occupancy at quarantine centres was not critical, while bed occupancy at intensive care units rose by 17%."

Noor Hisham said patient visits to Covid-19 Assessment Centres dropped by 5.1%, while the number of new cases undergoing home monitoring decrease by 6.5%.

The number of cases referred by CAC to quarantine centres or hospitals also dropped drastically by 46.6%, he said. - Bernama

Almost 33% of children fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 1,166,385 children aged five to 11 or 32.9% of the child population in the country have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Sunday.

According to the CovidNOW portal, a total of 1,714,171 children or 48.3% have received at least one dose of the vaccine.

A total of 2,913,093 adolescents aged 12 to 17 or 93.6% of the group have completed their vaccination, while 3,009,604 or 96.7% received at least one vaccine dose.

Meanwhile, a total of 16,094,258 adults or 68.4% have received the booster dose, while 22,974,281 or 97.6% have completed two doses of the vaccine, and 23,250,933 or 98.8% received at least one dose.

As for daily vaccine doses, 10,883 were dispensed on Sunday, with 5,172 as first doses, 4,709 as second doses and 1,002 as booster doses, bringing the cumulative number of vaccine doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,908,659.

The Health Ministry's GfHub portal reported that five Covid-19 deaths were recorded on Sunday, with two of them in Sarawak and one each in Perak, Perlis and Selangor. - Bernama

Ministry orders recall of 'Jif' peanut butter products

KUALA LUMPUR: The importer of Jif peanut butter products has been asked to recall them from the market.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said a check conducted by the Health Ministry on the Food Safety Information System of Malaysia data found that the product had been imported into the country.

Noor Hisham said the ministry

took note of the product recall from the US market for potential salmonella contamination through a notification from the International Food Safety Authorities Network.

"The notification stated that the United States Food and Drug Administration has ordered Jif peanut butter products with batch numbers 1274425 to 2140425 to be recalled because they were contaminated with salmonella

bacteria, Bernama reported.

"Apart from Malaysia, the peanut butter products had been distributed to several countries such as Canada, Thailand, Honduras, Spain, Japan, Korea, Taiwan and Singapore," he said in a statement yesterday.

He added that the ministry, through the Food Safety and Quality Division, would continue to monitor all entry points into the country for

the affected batch.

Salmonella is a type of bacteria that can cause food poisoning if found in meat, eggs, fruits, vegetables and processed food.

Consumers can contact the district health office or visit <http://moh.spah.gov.my> or the Food Safety and Quality Division's Facebook page at <http://www.facebook.com/bkkmhq>.